

No. Soalan : 225

PR-1341-T71844

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN  
[ IPOH BARAT]**

**SOALAN :** Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Kerajaan setakat ini dan konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang belum disahkan (*ratified*) oleh Kerajaan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini Kementerian Luar Negeri menyimpan sebanyak satu ribu tiga puluh (1030) perjanjian dua hala yang telah ditandatangani oleh Malaysia dengan negara lain.
3. Buat makluman Yang Berhormat, semua konvensyen dan perjanjian antarabangsa termasuk perjanjian yang bersifat pelbagai hala yang telah ditandatangani dan yang telah atau belum disahkan (*ratified*) oleh Kerajaan Malaysia turut berada di dalam simpanan dan pengetahuan Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.